

NO. SOALAN : 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN ANYI NGAU [BARAM]

TARIKH : 7 APRIL 2015

SOALAN :

YB. Tuan Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah usaha serta inisiatif pihak Kementerian di dalam membantu mempromosikan Baram sebagai destinasi ekopelancongan di peringkat global.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI MOHAMAD NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Baram yang berkeluasan 22,069.00 km persegi dalam Bahagian Miri adalah daerah yang terbesar di Malaysia dan keluasannya sama seperti gabungan keluasan negeri Pahang, Perlis dan Melaka. Di daerah Baram juga yang terletaknya Taman Negara Mulu serta gua terbesar di dunia iaitu Gua Mulu, gua yang mempunyai sistem bawah tanah terbesar di dunia dan permukaannya saja boleh memuatkan 32 kapal terbang Boeing 747 atau 16 padang bolasepak. Taman Negara Mulu adalah antara destinasi pelancongan paling menarik di Sarawak dan telah mendapat pengiktirafan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) apabila disenaraikan dalam program Warisan Dunia bersama dengan Taman Negara Kinabalu di Sabah.

Gabungan tarikan alam semulajadi dan sifat ramah-tamah masyarakat pelbagai suku kaum seperti Iban, Kenyah, Kayan, Narum, Melanau, Bukit, Melayu, Madang, Kelabit, Lirong dan Penan yang ada di Baram juga dikenalpasti menjadi aset utama untuk menarik pelancong ke Baram. Salah satu aktiviti utama yang dipromosikan di peringkat antarabangsa untuk menarik pelancong ke daerah ini ialah Baram Regatta yang dianjurkan sejak 1899 lagi. Program ini bukan sekadar perlumbaan perahu semata-mata kerana ia juga adalah pertunjukan kebudayaan pelbagai etnik di Baram. Bagi mempertingkatkan sosio-ekonomi penduduk di 265 kampung dan rumah panjang di Baram, Kementerian ini juga mempromosi

program Inap Desa atau *Homestay* dan di antara Inap Desa yang menjadi tumpuan pelancong dalam dan luar negara adalah seperti Homestay Kampung Narum dan Homestay Rumah Hillary Tawan Achai yang menjadi pilihan pelancong asing dari Eropah, Scandinavia dan Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua,

Baru-baru ini, pihak Malaysian Nature Society atau singkatannya (MNS) telah mengenalpasti kawasan Tanah Lembab Kuala Baram yang berkeluasan lebih 600 hektar berhampiran Muara Sungai Baram iaitu sungai kedua terpanjang di Sarawak (400 km) sebagai berpotensi untuk dimajukan sebagai destinasi ekopelancongan terutamanya bagi aktiviti *Bird Watching*. Mereka telah mengenalpasti kawasan ini menjadi tempat persinggahan burung-burung yang berhijrah dari Utara Russia. Turut ditemui adalah spesis yang jarang-jarang ditemui yang menjadikan kawasan paya Kuala Baram pilihan habitat semulajadi dari jenis *Crested Terns China* yang dianggarkan hanya berjumlah 30 ekor di seluruh dunia.

Adalah diharap semua tarikan pelancong di Baram ini terus dipelihara dan diperkasakan melalui kesedaran masyarakat, pendidikan dan perancangan dan penguatkuasaan pihak berkuasa tempatan agar Kementerian ini dapat terus mempromosikannya di pentas global bagi menarik pelancong asing terus memilih Malaysia sebagai destinasi unggul untuk dilawati.

Sekian, terima kasih.